



**KOMPETENSI GURU SEBAGAI JURULATIH BOLA
SEPAK DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI
PEMAIN
PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD)
KUALA LUMPUR.**

FAKRUL HAZELY BIN ISMAIL



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





KOMPETENSI GURU SEBAGAI JURULATIH BOLA SEPAK DAN KESANNYA
TERHADAP PRESTASI PEMAIN
PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD)
KUALA LUMPUR.

FAKRUL HAZELY BIN ISMAIL



DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN
(MOD PENYELIDIKAN)



FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 April 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, Fakrul Hazely bin Ismail (M20171000376) dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak dan Kesannya Terhadap Prestasi Pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) Kuala Lumpur adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Zulakbal bin Abdul Karim dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak dan Kesannya Terhadap Prestasi Pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) Kuala Lumpur dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan.

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya selesaikan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Penyelia yang dikasihi, Dr. Zulakbal bin Abd Karim kerana sudi mengorbankan masa tanpa mengira, penat dan lelah memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini. Sekalung penghargaan juga buat Dr. Ahmad Hashim yang telah memberi tunjuk ajar kepada saya semasa tahun pertama pengajian.

Ucapan terima kasih tak terhingga buat ayah dan ibu yang tersayang, Tuan Haji Ismail bin Hj Abdul Rahman dan Puan Hajah Zulaini binti Habib yang banyak memberi semangat dan dorongan serta mendoakan kesejahteraan, kekuatan dan kesihatan buat diri saya untuk menjadi insan yang berjaya dunia akhirat. Terima kasih buat adik-beradik yang banyak membantu terutamanya Muhammad Taufik semoga dipermudahkan urusan seharian. Ucapan terima kasih juga buat ibu mertua Puan Roshidah binti Ab Rashid dan ipar yang banyak memberi sokongan untuk terus menyambung pelajaran. Buat isteri tercinta Nur Sheilla Saida binti Abdullah, terima kasih atas sokongan, doa, dan bantuan sepanjang menjalankan tesis ini. Buat anak-anak yang tersayang, Nur Nisa' Imanina, Muhammad Thaqif Iman dan Muhammad Thoriq Iman, abi ucapkan berbanyak terima kasih dan berharap agar kalian juga akan mengikut jejak abi satu hari nanti.

Jutaan terima kasih kepada barisan pentadbir SMK Aminuddin Baki Kuala Lumpur terutamanya Puan Siti Sarimah binti Shaik Abdul Rahman, Pengetua Cemerlang yang banyak memberi dorongan dan pelepasan tugas sepanjang pengajian. Tak lupa juga buat 10 orang jurulatih, ibu bapa dan para pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan kajian. Akhir sekali terima kasih buat kerajaan negeri Pulau Pinang yang telah memberi bantuan pinjaman kepada saya sepanjang pengajian di peringkat sarjana. Semoga Allah membalas jasa kalian semua.



ABSTRAK

Kajian kualitatif berbentuk etnografi seperti yang telah dicadangkan oleh Sands ini bertujuan mengkaji tahap kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Kajian ini dijalankan selama sembilan bulan bermula dari Julai 2018 hingga April 2019. Sebanyak 10 orang jurulatih PLD dalam kalangan guru telah terlibat sebagai peserta kajian dan ditemu bual bagi mendapatkan data. Jumlah peserta kajian telah ditentukan oleh tahap “*saturation of information*” di mana peserta kajian yang ditemu bual didapati sudah tidak dapat mengemukakan sesuatu data yang baru berbanding dengan peserta kajian sebelumnya. Data hasil dari temu bual, pemerhatian dan kajian lapangan serta dokumen yang berkaitan telah dianalisis menggunakan kaedah *thematic analysis* seperti yang telah dicadangkan oleh Patton. Kesimpulannya, dapatan utama kajian yang dijalankan mendapati tahap kompetensi jurulatih dalam kalangan guru dapat mempengaruhi prestasi pemain bola sepak PLD di Kuala Lumpur seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pemain bola sepak di Malaysia. Model Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak Dan Kesannya Terhadap Prestasi Pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) Kuala Lumpur juga berjaya dihasilkan melalui kajian ini. Implikasi kajian ini ialah model yang dihasilkan dapat dijadikan panduan untuk penambahbaikan silibus kejurulatihan disamping meningkatkan tahap kompetensi jurulatih dalam kalangan guru seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi pemain.





TEACHERS COMPETENCY AS A FOOTBALL COACH AND THEIR EFFECT OF DISTRICT TRAINING CENTER (PLD) FOOTBALL PLAYERS PERFORMANCE IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

An ethnographic qualitative study as proposed by Sands aims to study the level of competency of teachers as football coaches and the impact on the performance of District Training Center (PLD) football players in Kuala Lumpur. The study was conducted from July 2018 to April 2019. A total of 10 PLD coaches among the teachers were involved in this study and interviewed for data collection. The number of study participants was determined by the saturation of information in which the study participants were found to be unable to present any new data compared to the previous study participants. Results from interviews, observations, and field studies, as well as related documents, were analyzed using thematic analysis as suggested by Patton. From the main finding of this study, it can be concluded that the level of coaches' competency among the teachers can influence the performance of PLD football players in Kuala Lumpur and also can contribute to improving the quality of football players in Malaysia. The Competency Model of Teacher as a Football Coach and Impact on the Performance of the Kuala Lumpur District Training Center (PLD) Football Player was also successfully generated through this study. The implication of this study is the model can be used as a guideline for the improvement of the coaching syllabus as well as improving the level of coaching competency among the teachers. It also can help to improve the performance of players.



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	11
1.3 Penyataan Masalah	14
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Kepentingan Kajian	21
1.7 Batasan Kajian	22

1.8	Definisi Operasional	23
1.8.1	Etnografi	23
1.8.2	Jurulatih	23
1.8.3	Guru	23
1.8.4	Kompetensi	24
1.8.5	Persembahan (Performance)	24
1.8.6	Pusat Latihan Daerah (PLD)	24
1.9	Kesimpulan	25

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Etnografi	27
2.2.1	Kajian Berkaitan Etnografi	28
2.3	Bola Sepak	33
2.4	Jurulatih	37
2.4.1	Model Keberkesanan Kejurulatihan Horn	44
2.5	Kompetensi	45
2.6	Prestasi	52
2.7	Guru	57
2.8	Kesimpulan	62

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	65



3.3	Reka Bentuk Kajian	65
3.4	Kajian Rintis	67
3.5	Populasi Kajian	68
3.6	Sampel Kajian	69
3.7	Kaedah Persampelan Kajian	70
3.8	Triangulasi	71
3.9	Instrumen Kajian	74
3.10	Kaedah Pengumpulan Data	77
3.10.1	Temu Bual	78
3.10.1.1	Prosedur Temu Bual	80
3.10.2	Pemerhatian Lapangan	81
3.10.3	Nota Lapangan	82
3.11	Kaedah Analisis Data	83
3.12	Kesimpulan	85

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	86
4.2	Peserta Kajian	89
4.3	Prosedur	89
4.4	Temu Bual	90
4.5	Pemerhatian, Nota Lapangan dan Analisis Dokumen	92
4.6	Pengekodan dan Mencari Tema	93
4.7	Analisis Data	95
4.8	Dapatan Kajian	100





4.8.1	Cabaran	100
4.8.1.1	Beban Tugas	102
4.8.1.2	Prestasi	108
4.8.1.3	Pendidikan Kejurulatihan	116
4.8.2	Kompetensi	120
4.8.2.1	Latihan	125
4.8.2.2	Pertandingan/Perlawanan	143
4.8.2.3	Pengurusan	149
4.9	Laluan Pembangunan Kerjaya	156
4.10	Kesimpulan	159

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	160
5.2	Perbincangan	161
5.2.1	Cabaran	163
5.2.2	Kompetensi	171
5.2.3	Laluan Pembangunan Kerjaya	177
5.3	Kesimpulan	180
5.4	Cadangan Penyelidikan	182
5.5	Rumusan	187

RUJUKAN 188

LAMPIRAN 207



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

3.1	Bilangan Jurulatih PLD di Kuala Lumpur	69
3.2	Contoh Soalan Temu Bual Penyelidik Ke Atas Peserta Kajian	75
4.1	Latar Belakang Kejurulatihan dan Demografi Peserta Kajian	90
4.2	Pemilihan Tema Utama	98
4.3	Dokumen Jurulatih dan Pencapaian Tertinggi Pasukan/Pemain	122



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka Surat**

2.1	Model Keberkesanan Kejurulatihan Horn	45
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	65
3.2	Triangulasi	74
4.1	Model Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak dan Kesannya Terhadap Prestasi Pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) Di Kuala Lumpur.	99



**SENARAI SINGKATAN**

AFC *Asian Football Confederation*

AT Akademi Tunas

BBM Bahan Bantu Mengajar

DBP Dewan Bahasa dan Pustaka

DPK Dasar Pendidikan Kebangsaan

DSS *Desicion Support System*



FAM *Football Association of Malaysia*

FIFA *Fédération Internationale de Football Association*

JFA *Japan Football Association*

JNS Jemaah Nazir Sekolah

JPWPKL Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MSN	Majlis Sukan Negara
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
PA	<i>Performance Analysis</i>
PdPC	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PJK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PLD	Pusat Latihan Daerah
PPBN	Program Pembangunan Bola Sepak Negara
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
SPTS	Sukan Prestasi Tinggi Sekolah

SSG	<i>Small Sided Games</i>
SSM	Sekolah Sukan Malaysia
SSN	Sekolah Sukan Negeri
UEFA	<i>Union of European Football Associations</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

A1	Borang Demografi
B1	Surat Kebenaran Kajian
C1	Borang Periodisasi
D1	Borang Penilaian Pemain
E1	Gambar Aktiviti Dan Pertandingan
F1	Contoh Transkrip Temu Bual Peserta Kajian
G1	Contoh Nota Lapangan Penyelidik
H1	Contoh Jadual Program Latihan Jurulatih
I1	Pengekoden dan Tema Awal Temu Bual
J1	Pengekoden dan Tema Awal Nota Lapangan (Pemain)
J2	Pengekoden dan Tema Awal Nota Lapangan (Ibu Bapa)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

K1

Kaedah Analisis Data *Thematic Analysis*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bola sepak dianggap oleh ramai pihak sebagai sukan yang paling popular di dunia (Giulianotti & Robertson, 2004) di mana ia melibatkan aspek fizikal, teknikal, taktikal dan juga psikologi (Alves, Clemente, Sousa, Pinheiro & Dos Santos, 2017). Dianggarkan sebanyak 250 juta orang di seluruh dunia bermain bola sepak sama ada secara profesional, amatur, rekreasi dan juga sebahagian daripada aktiviti fizikal (Goldblatt & Acton, 2010). Qader, Zaidan, Zaidan, Ali, Kamaluddin dan Radzi (2017) menyatakan bahawa bola sepak merupakan sukan paling popular di dunia di mana jumlah pemain bertambah dengan mendadak setiap tahun disamping bola sepak profesional menjadi antara

penyumbang utama kepada sektor perniagaan dan ekonomi dunia. Namun begitu pada tahun 2020, seluruh dunia dikejutkan dengan penularan wabak Covid-19 di mana ia telah memberi kesan yang mendalam terhadap ekonomi dunia termasuklah industri bola sepak (Mohr, Nassis, Brito, Randers, Castagna, Parnell & Krusturup, 2020).

Ali dan Taib (2013) berpendapat, bola sepak diminati oleh semua peringkat umur iaitu daripada murid sekolah rendah hingga dewasa. Tambahnya lagi, ada yang bermain kerana minat dan ada juga yang menjadikan sukan ini sebagai sumber pencarian. Di dalam laporan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) menyatakan bahawa bola sepak merupakan sukan universal yang di minati seluruh peringkat usia dan segenap lapisan masyarakat.

Laporan *Fédération Internationale de Football Association* (FIFA) menunjukkan jumlah tontonan televisyen di seluruh dunia semasa Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2010 yang berlangsung di Afrika Selatan mencapai lebih dari 2.2 bilion. Jumlah tersebut semakin meningkat kepada 3.2 bilion semasa Piala Dunia 2014 dan terus menunjukkan peningkatan kepada 3.57 bilion semasa Piala Dunia 2018. Ini menunjukkan bahawa bola sepak mempunyai pengikut yang besar berdasarkan jumlah tontonan di seluruh dunia. Murray (2011) di dalam Karim (2016) menyatakan nilai industri bola sepak dunia melebihi \$500 bilion setiap tahun. Pada tahun 2015, FIFA turut melaporkan keuntungan yang telah diperolehi hasil daripada penganjuran Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2014 di Brazil adalah sebanyak \$5.137 bilion. Seterusnya pada Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2018 di Rusia,

FIFA telah berjaya mencatat peningkatan keuntungan sebanyak \$214 million berbanding kejohanan sebelumnya menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak \$5.357 bilion. Yusof dan Sundramoorthy (2015) menyatakan bahawa bola sepak dikenali sebagai sukan *worldwide*, dimainkan seluruh dunia dan mempunyai pengikutnya tersendiri.

Dengan mempunyai sebanyak 211 ahli gabungan di seluruh dunia, FIFA di kenali sebagai "*United Nations of Football*" (FIFA, 2018). Data ini dengan jelas menunjukkan bahawa tahap populariti bola sepak di dunia adalah amat tinggi dan ia sudah tentu memberi impak yang besar kepada sebahagian besar manusia di setiap peringkat umur dan latar belakang.

Menurut laporan Kementerian Belia dan Sukan (KBS, 2014), di Malaysia, bola sepak merupakan sukan nombor satu dari segi popularitinya. Pundyk (2014) juga menyatakan bahawa bola sepak merupakan sukan yang paling popular di Malaysia. Hamid dan Kendall (2008) pula telah menyatakan bola sepak masih lagi sukan nombor satu negara berdasarkan jumlah tontonan ditelevisyen pada tahun 2005 sebanyak 16,692,000 telah meningkat ke jumlah 17,258,000 pada tahun 2006. Walaupun bola sepak dianggap sebagai sukan paling popular di Malaysia, namun ranking pasukan bola sepak negara pada bulan November 2018 berada pada kedudukan ke 167 daripada 211 ahli gabungan (FIFA, 2018). Namun begitu, ranking pasukan kebangsaan pada bulan November 2019 telah melonjak ke kedudukan 154 dunia. Walaupun terdapat peningkatan kedudukan ranking, ia masih lagi jauh untuk menjadi antara kuasa besar bola sepak Asia, apatah lagi di peringkat global.

Pada Oktober 2018, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah mengambil inisiatif melancarkan Peta Hala Tuju atau *Roadmap FAM* yang diberi nama F:30 dengan perancangan menjadi lima negara terbaik Asia menjelang 2030. *Roadmap F:30* dengan jangka masa 12 tahun itu terbahagi kepada tiga pelan strategik, iaitu fasa pertama dari tahun 2019 hingga 2022 untuk membina asas yang kukuh dari sudut tadbir urus, pertandingan dan pembangunan modal insan serta infrastruktur, disusuli fasa kedua (2023-2026) mencapai peringkat Asia dan diakhiri fasa ketiga (2027-2030) bertujuan melahirkan sebuah pasukan kebangsaan yang mencecah taraf dunia (FAM, 2018). Disamping menekankan DNA bola sepak Malaysia, *Roadmap F:30* juga turut memfokuskan kepada pembangunan akar umbi, pembangunan bola sepak wanita, pembangunan futsal dan pembangunan kejurulatihan.

Pusat Latihan Daerah (PLD) untuk bola sepak adalah inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama dari Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) di bawah program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) adalah kesinambungan dari Program Tunas Cemerlang MSN-MSSM disamping pengelolaan Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) yang berlangsung setiap tahun (KBS, 2014).

Menurut Shafie, Rejab dan Hasan (1996), pada asalnya KPM dengan usaha sama KBS telah melancarkan Program Tunas Cemerlang MSN-MSSM pada tahun 1989. Program ini bertujuan untuk mencapai matlamat sukan sebagai salah satu komponen penting dalam bidang kokurikulum yang

menyediakan pendidikan secara menyeluruh, seimbang, dan harmonis selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (Shafie et al. 1996).

Menurut KBS (2014) pada tahun 2008, program SPTS bola sepak melibatkan 3 kategori iaitu PLD (13-15 tahun, 36 pusat, 1800 murid, 108 jurulatih), Sekolah Sukan Negeri (SSN) (13-17 tahun, 14 pusat, 700 murid, 70 jurulatih) dan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) (13-17 tahun, 2 pusat, 155 murid, 15 jurulatih). Atas dasar ini jugalah jurulatih di kalangan guru-guru telah dilantik dan dihantar menghadiri kursus kejurulatihan bagi memantapkan ilmu kejurulatihan seterusnya melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti di masa hadapan.

Disamping itu juga, peranan guru yang dilantik sebagai jurulatih PLD, SSN dan SSM ialah melaksanakan sesi latihan sekurang-kurangnya lima kali seminggu sebagai persiapan untuk menghadapi Kejohanan Liga Bola Sepak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kejohanan Bola Sepak MSSM, Liga Bola Sepak PLD dan juga Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah Peringkat Negeri dan Daerah. Sehubungan itu, para jurulatih yang terlibat di bawah program PPBN juga merupakan guru di sekolah. Maka dalam konteks ini, guru-guru perlu menjalankan dua tugas sekaligus iaitu sebagai guru dan juga jurulatih.

Menurut Djajadi (2015), guru yang melaksanakan tugas hakiki bertanggungjawab terhadap kualiti pendidikan, bekerja secara profesional dan meningkatkan kemampuan secara berterusan. Guru juga merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses pelaksanaan kurikulum dan program pendidikan sekolah (Syed Ali, Che Hassan & Jani, 2014). Pendapat

ini turut disokong oleh Siraj dan Ibrahim (2012) juga menjelaskan bahawa guru adalah pelaksana dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh kerajaan. Tanpa penglibatan dan sokongan padu guru-guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terbengkalai begitu sahaja. Dalam konteks ini, guru yang terlibat dalam bidang sukan memainkan peranan penting bagi melahirkan insan yang sihat, cergas dan produktif agar dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Guru-guru yang terlibat sebagai jurulatih di sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan pemain-pemain berbakat di peringkat akar umbi seterusnya ke peringkat lebih tinggi lagi bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual (DPK, 2012). Aktiviti sukan di peringkat sekolah terutamanya sekolah menengah berjaya memupuk semangat kesukanan dan nasionalisme di kalangan pelajar selain semangat kerja sama antara pelajar, kepimpinan dan pengurusan masa (Camire & Trudel, 2013). Menurut Danish, Forneris, Hodge dan Heke (2004), pengalaman yang diperolehi dari aktiviti sukan amat berguna untuk kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu Husain (2016) berpendapat, perkara paling asas yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah memastikan guru-guru PJK diperkasakan agar perlaksanaan penyampaian kurikulum lebih berkesan. Untuk itu, standard guru PJK perlu diberi perhatian serius.

Standard guru mempunyai status yang tinggi dari kaca mata masyarakat selain daripada nilai dan etika perguruan bagi memenuhi standard yang diperlukan oleh seorang guru khususnya guru mata pelajaran PJK. Begitu juga bagi guru-guru yang terlibat sebagai jurulatih bola sepak di mana standard mereka perlu diberi perhatian sama seperti guru-guru yang lain bagi meningkatkan kompetensi kejurulatihan.

Jurulatih memainkan peranan yang amat penting dalam sebarang program pembangunan bola sepak bersesuaian dengan pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya” yang membawa maksud segala tunjuk ajar yang diberikan oleh jurulatih kepada pemain-pemain muda yang baru berjinak-jinak dengan bola sepak akan meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan kepada bakat muda (KBS, 2014).

Di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara, perkara yang turut dititikberatkan adalah pendidikan jurulatih yang berterusan di mana jurulatih perlu didedahkan dengan aspek latihan terkini yang sentiasa berubah dari masa ke semasa. Ia juga turut merangka satu skim yang dapat menarik minat lebih ramai penggiat bola sepak untuk menceburi bidang kejurulatihan di semua peringkat dalam memastikan keperluan jurulatih bagi semua pusat latihan yang dirancang dapat dipenuhi menjelang tahun 2020 (KBS, 2014).

Menurut Karim (2016), terdapat seramai 11 jurulatih bola sepak yang mempunyai Diploma *Pro-License*, lebih dari 700 jurulatih Lesen B (318 jurulatih akan melanjutkan kursus ke Lesen B) dan lebih 4000 jurulatih Lesen C (1000 jurulatih lesen awalan akan melanjutkan kursus ke Lesen C) di Malaysia. Dengan jumlah jurulatih yang diperlukan oleh PPBN berbeza

dengan jumlah jurulatih sedia ada sekarang yang berkecukupan, maka wajarkah jumlah itu ditambah dengan berlipat kali ganda? Dengan bakal bertambah mendadakunya jumlah pemain yang terlibat dalam PPBN selaras dengan berkembangnya program ini diseluruh negara, maka jumlah jurulatih yang berkecukupan harus ditambah bagi melahirkan pemain yang berkualiti serta membentuk skuad kebangsaan yang lebih mantap. Secara tidak langsung kompetensi jurulatih yang berkecukupan dapat mempengaruhi prestasi pemain untuk berjaya di masa hadapan.

Kejurulatihan merupakan proses pelbagai sudut yang memerlukan jurulatih meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi meneruskan keadaan yang sentiasa berubah (Kilic & Levent, 2015). Horncastle (2016) melaporkan bahawa falsafah kejurulatihan Antonio Conte ialah jurulatih perlu menguasai kemahiran bukan sahaja dari segi taktikal, motivasi, psikologi, menguruskan pasukan dan media malahan perlu menguasai segala aspek. Ketika ditemu ramah oleh Horncastle (2016), Antonio Conte telah menyatakan, " bagi menguasai segalanya kita haruslah belajar dan semenjak menjadi jurulatih, ia merupakan pembelajaran yang berterusan".

Kidman dan Hanrahan (2011) pula menjelaskan untuk menjadi jurulatih yang efektif, individu tersebut haruslah terlibat secara aktif dalam proses kejurulatihan di mana ianya rumit dan pelbagai. Pilus dan Saadan (2009) menyatakan faktor kejayaan jurulatih bukan sahaja membantu atlet meningkatkan dan menguasai kemahiran asas malahan ianya termasuklah dari peningkatan dari segi fizikal, teknikal, taktikal dan persediaan psikologi. Hierro (2014) berpendapat jurulatih perlu mempunyai perancangan program latihan



yang rapi di mana setiap perancangan mestilah jelas dan bersesuaian dengan objektif dan strategi pasukan. Menurut Hierro lagi jurulatih perlu bijak menguruskan masa antara sesi latihan dan masa lapang. Ini penting kerana setiap sesi latihan perlulah digunakan sebaik-baiknya bagi mencapai objektif dan perancangan pasukan. Sehubungan itu jurulatih juga perlu menguasai ilmu perancangan dan pengurusan masa.

Bagi mempersiapkan pasukan menghadapi pertandingan, jurulatih haruslah memastikan program latihan yang dijalankan bersesuaian dengan prinsip latihan dan juga perancangan pasukan (Nassis, Brito, Figueiredo & Gabbet, 2019). Walaupun kita memerlukan jurulatih bola sepak yang menguasai pelbagai ilmu, ironinya, kebanyakan kajian adalah tertumpu kepada prestasi pemain tidak kepada jurulatih (Mageau & Vallerand, 2003). Maka kajian terhadap jurulatih perlu dijalankan bagi menyumbang kepada pengetahuan terhadap para pengkaji berkaitan bidang kejurulatihan.

Kompetensi ialah kebijaksanaan individu melakukan sesuatu tugas (Weiss & Kollberg, 2003). Tigelaar, Dolmans, Wolfhagen dan Van Der Vleuten (2004) mendefinisikan kompetensi sebagai tahap integrasi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Menurut Siraj dan Ibrahim (2012), kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Manakala Beare (2001) pula telah mengenal pasti lima komponen minimum bagi menilai kompetensi guru iaitu kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion. Ia



berkait rapat dengan tugas atau profesion jurulatih yang unik menggabungkan pelbagai peranan (Jones, 2000).

Jurulatih bertanggungjawab untuk meningkatkan prestasi atlet secara individu mahupun berpasukan (Jones, Armour & Potrac, 2003). Karim (2016) berpendapat bahawa jurulatih memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasi individu dan pasukan. Kebanyakan aktiviti jurulatih bola sepak merangkumi pemantauan teknik pemain dan pasukan dalam merangka strategi untuk memenangi sesuatu perlawanan (Hugo, Antonino, Maria, Jorge & Jose, 2014). Menurut Din, Rashid dan Awang (2015) jurulatih harus mempunyai kepakaran dalam membantu atlet mencapai kepuasan dan pencapaian dalam pertandingan yang disertai. Din et al., (2015) menambah, idea dan strategi jurulatih dapat dibuktikan sebagai contoh gaya kepimpinan dan program latihan yang dilakukan oleh Datuk Misbun Sidek kepada Datuk Lee Chong Wei. Program latihan yang dijalankan oleh Datuk Misbun Sidek memberi kesan positif di mana Datuk Lee Chong Wei beberapa kali telah menjuarai kejohanan utama dunia serta tiga kali layak ke perlawanan akhir acara badminton Sukan Olimpik (*Badminton World Federation*, 2018).

Kesimpulannya jurulatih terutamanya di kalangan guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam memastikan para pemain yang dilatih mencapai prestasi yang cemerlang disamping membantu pasukan mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian terhadap tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru dan hubungannya dengan prestasi atlet wajar dijalankan bagi memberi manfaat kepada penyelidik disamping menyumbang kepada “*new knowledge*” bidang kejurulatihan bola sepak, menambah ilmu pengetahuan

kepada para jurulatih dan sebagai panduan kepada PPBN dan juga badan induk yang bertanggungjawab merangka dan melaksanakan kursus kejurulatihan bola sepak seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN). Silibus pendidikan kejurulatihan juga dapat ditambah baik bagi melahirkan jurulatih yang berwibawa disamping dapat meningkatkan tahap kompetensi jurulatih supaya lebih cemerlang di masa akan datang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian berbentuk etnografi guru sebagai jurulatih bola sepak di Pusat Latihan Daerah (PLD) memberi gambaran awal kebanyakan guru yang terlibat sebagai jurulatih dianggap tidak mempunyai masalah untuk melatih pasukan bola sepak PLD. Ini kerana mereka sudah biasa dengan situasi pemain-pemain yang terdiri dari kalangan murid-murid sekolah.

Penyelidik turut melibatkan diri di dalam sesi latihan secara konsisten sepanjang penyelidikan ini dijalankan dengan mengumpul data melalui temu bual, pemerhatian dan nota lapangan seperti yang dicadangkan oleh Sands (2002). Ia telah dijelaskan dengan lebih terperinci dalam metodologi kajian. Selain itu, penyelidik merujuk beberapa lagi kajian etnografi untuk dijadikan panduan antaranya ialah Curran, Bingham, Richardson dan Parnell (2014) serta Tosa (2015).

Secara amnya, sekolah merupakan salah satu tempat didikan terawal bermain bola sepak dan guru adalah antara individu yang terawal mengajar

murid-murid bermain bola sepak (Program Pembangunan Bola Sepak Negara, 2014). Namun sebagai guru yang menjadi jurulatih bola sepak, mereka ini sudah tentu akan memiliki dua tugas yang berbeza iaitu guru dan jurulatih bola sepak. Tugas guru di sekolah seperti membuat Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran, KP (BS) 8591/Jilid XV/ (3) (1999) disamping beberapa tugas lain seperti melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) serta menjadi guru pengiring dan mengelola kejohanan sukan peringkat sekolah bagi guru yang dilantik sebagai setiausaha sukan sekolah (Dasar 1 Murid 1 Sukan, 2011).

Tugas sebagai jurulatih pula memerlukan mereka menyediakan rancangan latihan sepanjang tahun mengikut periodisasi latihan seperti yang dicadangkan oleh Bompa dan Gregory (2009) dalam memastikan perancangan dan objektif pasukan tercapai disamping membimbing para pemain dan memastikan pemain secara individu sentiasa cergas dan mencapai tahap permainan yang optimum.

Guru yang terbeban dengan dua tugas akan menyebabkan stres dan memberi kesan terhadap prestasi kerja sebagai guru dan jurulatih (Richards & Templin, 2012). Senario bebanan dua tugas ini juga berlaku terhadap guru yang terlibat sebagai jurulatih separuh masa Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Secara tidak langsung sedikit sebanyak ia akan mempengaruhi prestasi kerja guru tersebut.

Jika dilihat pencapaian pasukan bola sepak remaja Malaysia di peringkat akar umbi terutamanya pasukan kebangsaan amat baik sekali contohnya pada tahun 2019 ini pasukan Kebangsaan Bawah 17 dan Bawah 19 telah berjaya melayakkan diri secara merit ke Kejohanan Bola Sepak *Asian Football Confederation* (AFC) bagi kategori umur masing-masing (AFC, 2019). Ini mungkin kerana pengaruh mereka sebagai guru dan jurulatih memberi kesan positif terhadap prestasi para pemain bertepatan dengan kajian Yeo dan Mansor (2017) yang menyatakan guru dapat meningkatkan motivasi pelajar.

Namun ironinya, prestasi pasukan bola sepak senior kebangsaan seringkali dicemuh berikutan ranking *Fédération Internationale de Football Association* (FIFA) yang semakin menurun. Ranking terbaru yang dikeluarkan oleh FIFA (2019) pada bulan November menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke 154 dunia daripada 211 negara yang menjadi ahli gabungan badan induk bola sepak dunia itu. Dengan merudumnya kedudukan ranking bola sepak Malaysia di arena Asia dan dunia di kalangan pemain senior berbanding cemerlangnya kedudukan dan pencapaian pemain remaja seolah-olah tiada kesinambungan dan sudah tentu ada sesuatu yang "tidak kena" di antara kelompok pemain junior dan pemain senior, maka wajarlah dijalankan penyelidikan untuk melihat mengapa ketidaksinambungan antara pasukan remaja dan senior terjadi.

Sehubungan itu, kajian ini mengenal pasti jenis-jenis kompetensi dan membuat tinjauan sejauh mana tahap kompetensi jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD) dari kalangan guru memberi kesan terhadap prestasi pemain.

Adakah amalan kompetensi guru ini menjadi penyumbang kepada prestasi sebenar pasukan bola sepak kebangsaan terutamanya pasukan senior.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak program kejurulatihan yang telah dijalankan di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) bertujuan untuk memberi pendidikan kejurulatihan dan meningkatkan kemahiran kejurulatihan di kalangan jurulatih termasuklah jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD) yang terdiri di kalangan guru. Para jurulatih di bawah program ini perlu menghadiri program pendidikan semula (*re-education*), bengkel dan juga simposium kejurulatihan. Mereka juga akan dinilai secara berkala serta diberi pentauliah lesen kejurulatihan ke tahap yang lebih tinggi. Menurut laporan KBS (2014), jurulatih yang berpotensi juga akan diberi peluang untuk menghadiri kursus kejurulatihan di peringkat antarabangsa.

Terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh jurulatih di Malaysia antaranya ialah mengatur perlawanan, aspek budaya, kurikulum pendidikan jurulatih, sistem pengurusan persatuan atau kelab bola sepak, perkembangan hala tuju kejurulatihan yang tidak jelas, terhadnya peluang di kalangan jurulatih, jaminan kerja dan kurangnya penolong jurulatih yang berwibawa (Karim, 2016). Menurut Karim, Razak dan Nadzalan (2018), beberapa masalah yang dihadapi oleh jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD) antaranya ialah komitmen jurulatih separuh masa yang terbeban dengan tugas guru, infrastruktur, silibus kejurulatihan serta campur tangan pihak

luar termasuk ibu bapa merupakan cabaran utama dalam melahirkan pemain yang berkualiti. Karim et al. (2018), turut menambah jurulatih PLD juga dikawal selia oleh Ketua Jurulatih Remaja Negeri (KJRN) setiap bulan bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar. Matlamat program ini juga akan tercapai sekiranya PPBN peka dengan isu yang dihadapi oleh jurulatih yang bernaung di bawah PPBN.

Kamaruddin (2007) di dalam Ooi dan Ismail (2015) menjelaskan, selain mengajar, guru turut diberi tugas lain yang banyak. Ooi dan Ismail (2015) turut mendedahkan masalah seperti tekanan kerja telah banyak mempengaruhi prestasi, kepuasan kerja dan komitmen kerja guru.

Selain itu, menurut Siraj dan Ibrahim (2012), cabaran guru masa kini merangkumi usaha melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, menangani masalah disiplin dan gejala sosial, pengurusan sekolah yang berkesan, harapan menggunung masyarakat dan banyak lagi. Jika masalah ini dipandang mudah dan tidak dapat diselesaikan, ia akan menjadi serius seterusnya menjejaskan pencapaian murid serta kualiti pendidikan negara.

Walaupun kita melihat tugas sebagai guru dan jurulatih seolah-olah sama akan tetapi hakikatnya amatlah berbeza, manakala guru yang menjadi jurulatih mempunyai dua bebanan tugas yang dijalankan serentak serta persekitaran yang boleh memberi tekanan kepada mereka (Konukman, Agbuğa, Erdoğan, Zorba, Demirhan & Yılmaz, 2010). Konutman et al., (2010) menambah bagi kebanyakan guru pendidikan jasmani, bidang kejurulatihan

seperti yang diketahui merupakan tugas yang memerlukan komitmen secara profesional di mana perancangan sepanjang tahun perlu dibuat.

Kecerdasan emosi seseorang guru boleh digunakan untuk mengimbangi tekanan kerana seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai kebolehan mengenal pasti emosi, menggunakan emosi untuk memudahkan proses berfikir, memahami emosi, dan mengurus emosi (Abdullah, Sekong & Laji, 2017). Pernyataan ini turut disokong oleh Yahzanon dan Yusof, (2011) yang berpendapat bahawa kecerdasan emosi dianggap penting dan mempunyai hubungan yang positif dengan komitmen tugas individu tetapi perkaitan tersebut sering diabaikan kerana komitmen sesuatu tugas biasanya dikaitkan dengan kepuasan pekerjaan. Selain mempengaruhi hasil kerja dan kreativiti, kecerdasan emosi juga dianggap mampu meningkatkan komitmen sesebuah organisasi guru (Nahid, 2012).

Bagi jurulatih pula mereka mempunyai peranan untuk membangunkan program kejurulatihan bagi membimbing mereka melaksanakan tugas melatih berdasarkan kepercayaan peribadi, nilai, sikap dan prinsip (Chu & Tao, 2019). Chu et al., (2019) turut menambah dengan bantuan dari rakan sebaya dan ahli keluarga atlet, jurulatih akan menunjukkan perkembangan positif dari masa ke semasa sebagai panduan yang jelas untuk konsistensi, kepercayaan, kerjasama, kefahaman dan ekspektasi yang mempunyai hubung kait kepada disiplin, kerjasama dan komunikasi antara semua pihak.

Selain itu, jurulatih juga berperanan sebagai pemimpin dengan memberi kemahiran dan keyakinan terhadap para pemain agar dapat memberi saingan semasa perlawanan (Patterson, Carron & Loughhead, 2005). Jurulatih akan

berusaha sedaya-upaya menyediakan program latihan bagi membolehkan atlet memperoleh kejayaan maksimum (Fatemeh, Rahim, Mohamad & Anoushiravan, 2010). Menurut Bachan, Reilly dan Weid (2011), jurulatih banyak berdepan cabaran dan dugaan semasa membimbing sesebuah pasukan terutamanya ketika pasukan yang dibimbing berada pada kedudukan tercorot. Kajian Elaad, Jelnov, dan Kantor (2017) mendedahkan, kebanyakan jurulatih biasanya dipecat apabila pasukan mereka menghadapi beberapa kekalahan. Surujal dan Nguyen (2011) menyatakan bahawa jurulatih bola sepak menghadapi cabaran, mengalami kekecewaan, konflik dan ketegangan yang kadangkala dapat melunturkan semangat seseorang jurulatih.

Kehidupan jurulatih seperti yang dinyatakan oleh Mc Namara (2001) termasuklah banyak menghabiskan masa di tempat latihan dan perjalanan, kerap berjauhan dari keluarga dan rakan-rakan, masa yang terhad dan risiko kehilangan kerja boleh menyebabkan mereka kurang efektif dan hilang peranan sebagai pelatih, kaunselor, penasihat, motivator, pengurus dan pentadbir. Jurulatih terutamanya dari sukan berprestasi tinggi mempunyai masa bekerja yang lama dan tak menentu serta ditawarkan kontrak kerja yang singkat (Bentzen, Lemyre & Kentta, 2015).

Kajian yang dijalankan oleh Choi (2006), mendapati persekitaran kerja merupakan faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja jurulatih. Ianya turut disokong oleh Davies, Bloom dan Salmela (2005) terdapat jurulatih yang tidak berpuas hati dengan tugas pentadbiran yang menyebabkan program latihan mereka terganggu. Masalah yang dihadapi seperti ini amat berkait rapat dengan kompetensi pengurusan (Wahid, Ahmad, Hadi, Samsudin & Othman, 2014).

Wahid et al., (2014) menyarankan untuk menjadi individu yang berdaya saing, mereka perlu memiliki kemahiran pengurusan diri berasaskan kompetensi yang baik tanpa mengira latar belakang yang dimiliki. Walau bagaimanapun, jurulatih harus melihat dari sudut positif kerjaya sebagai jurulatih memerlukan komitmen yang tinggi, menarik dan menyeronokkan (McLean, Mallet & Newcombe, 2012)

Din, Awang dan Rashid (2015) menjelaskan terdapat juga segelintir jurulatih di kalangan guru mempunyai pengalaman sebagai bekas pemain bola sepak profesional, separuh profesional dan juga amatur tetapi kurang pengetahuan dari aspek sains sukan di mana ianya menyebabkan prestasi pemain-pemain menurun disebabkan program latihan yang dijalankan tidak dirancang dengan betul. Perkara ini dapat diatasi sekiranya jurulatih dapat mengenal pasti serta memperbaiki kelemahan pemain sekiranya mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sains sukan (Brink, Kuyvenhoven, Toering, Jordet & Frencken, 2018). Kajian oleh Meyers (2006) menunjukkan bahawa penggunaan sains sukan oleh jurulatih amatlah penting bagi meningkatkan lagi prestasi pemain disamping dapat mengurangkan risiko kecederaan pemain. Pengetahuan dalam aspek sains sukan juga merupakan kompetensi seseorang jurulatih dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi. Ianya terbukti bahawa penggunaan sains sukan dapat menyumbang kepada pengetahuan yang mempengaruhi corak latihan dan prestasi pemain (Brink et al., 2018).

Kesimpulannya, hubungan antara tahap kecekapan jurulatih dari kalangan guru dengan tahap prestasi pemain bola sepak terutamanya di Pusat Latihan Daerah (PLD) banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti yang telah dinyatakan di atas. Ianya merupakan keperluan yang mendesak bagi para penyelidik melakukan kajian bagi mengetahui hubungan antara tahap kecekapan jurulatih dan juga prestasi pemain bola sepak bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan oleh Stephen (2010) dan Dykes (2012) serta beberapa penyelidik terdahulu seperti Gastaldo (2007) dan Vaczi (2015) yang mencadangkan atau telah melaksanakan kajian.

Di dalam konteks lain cadangan dari penyelidikan ini bakal menutup lompang penyelidik yang terdahulu. Maka dengan mengemukakan kajian ini, ia akan menjadi sumber rujukan terkini kepada para jurulatih terutamanya dari kalangan guru bagi meningkatkan kompetensi yang mempunyai hubungan dengan peningkatan prestasi pemain.

Kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada badan induk bola sepak negara merancang program kejurulatihan di masa akan datang yang memfokuskan kepada silibus kompetensi. Disamping itu juga ia turut memberi manfaat kepada badan induk yang bertanggungjawab merangka dan melaksanakan kursus kejurulatihan bola sepak seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) merangka dan melihat semula kesesuaian silibus terkini program pembangunan kepada para jurulatih.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah mengenal pasti sejauh mana tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru dapat memberi kesan terhadap prestasi pemain Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Selain itu antara objektif spesifik dalam kajian ini adalah:

- i. Menenal pasti jenis-jenis tahap kompetensi sedia ada jurulatih bola sepak dari kalangan guru PLD di Kuala Lumpur.
- ii. Menenal pasti isu, cabaran dan kekangan yang dihadapi serta kompetensi di padang kerana menanggung dua tugas sebagai guru dan jurulatih pada masa yang sama.
- iii. Menenal pasti pendekatan proses kejurulatihan dengan kompetensi digunakan yang menjadi amalan lazim para jurulatih di kalangan guru PLD.
- iv. Menentukan sama ada tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru mampu mempengaruhi prestasi pemain bola sepak PLD.
- v. Menghasilkan satu model tahap kompetensi guru sebagai jurulatih yang ideal untuk PLD.

Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dalam mengumpul dan menganalisis data di mana penyelidik turut berada bersama di dalam sesi latihan sesuai dengan apa yang telah disarankan oleh Sands (2002), “dengan mengambil bahagian dan memerhati, ia menghasilkan sudut pandangan tingkah laku budaya yang luas. Mengikut arus realiti budaya, penyelidik mempelajari banyak perkara dan menimba banyak pengalaman” (ms. 63).

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini memberi tumpuan dan perhatian terhadap isu utama yang menjadi perhatian dalam penyelidikan ini. Bagi memastikan objektif kajian dihuraikan dengan jelas, beberapa soalan kajian telah dibentuk iaitu:

- i. Adakah guru sebagai jurulatih bola sepak mengalami tekanan kerja berlebihan dan boleh mengganggu prestasi pemain?
- ii. Adakah guru sebagai jurulatih bola sepak mempunyai tahap kompetensi yang dapat meningkatkan prestasi pemain?
- iii. Apakah isu, cabaran dan kekangan yang dihadapi serta kompetensi di padang kerana menanggung dua tugas sebagai guru dan jurulatih pada masa yang sama?
- iv. Adakah guru sebagai jurulatih yang dapat memiliki tahap kompetensi dapat membahagikan masa untuk memberi perkhidmatan terbaik untuk meningkatkan prestasi pemain?
- v. Adakah guru sebagai jurulatih memiliki kompetensi yang dapat mengendalikan proses kejurulatihan dengan cemerlang dan berjaya meningkatkan prestasi pemain.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi Sands (2002) selain pendekatan etnografi Gibson dan Atkinson (2017) serta Videnova (2016) dalam mengkaji peranan guru sebagai jurulatih bola sepak yang melihat sejauh manakah tahap kompetensi jurulatih bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) mempengaruhi

prestasi pemain. Ia bakal memberi manfaat kepada jurulatih dalam kalangan guru dalam usaha mereka meningkatkan prestasi para pemain. Selain itu kajian ini bakal memberi manfaat kepada pihak berikut:

- i. Sebagai rujukan kepada badan induk melaksanakan kursus kejurulatihan bola sepak contohnya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN).
- ii. Menambahkan lagi pengetahuan kepada 2,472 jurulatih di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) seterusnya memberi impak kepada 51,125 pemain muda menjelang tahun 2020 selaras dengan teras strategik Program Pembangunan Bola Negara Fasa 1: 2014-2020 dan *Roadmap FAM F:30*.
- iii. Memberi asas pengetahuan dan faedah kepada pengkaji-pengkaji lain yang mengkaji tentang guru sebagai jurulatih bola sepak di masa hadapan.
- iv. Menambahbaik silibus kursus kejurulatihan sedia ada khas buat para guru yang memfokuskan bidang kompetensi.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Pusat Latihan Daerah (PLD) bola sepak di Kuala Lumpur. Jurulatih yang bertugas di PLD di Kuala Lumpur majoritinya ialah

dari kalangan guru hanyalah jurulatih separuh masa yang terikat komitmen di sekolah masing-masing. Beberapa batasan kajian yang dikenal pasti ialah:

- i. Kajian ini terbatas kepada jurulatih dan pemain PLD sekitar Kuala Lumpur sahaja.
- ii. Komitmen dan kesungguhan subjek memberi kerjasama melalui sesi temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, nota lapangan dan soal selidik.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Etnografi

Menurut Lebar (2017), istilah etnografi bermaksud gambaran manusia. Kajian etnografi biasanya mengkaji kelompok budaya atau masyarakat dalam situasi yang sebenar dalam satu jangka masa yang lama. Etnografi sukan pula adalah pengkaji meluangkan masa mengkaji sukan yang hendak dikaji (Sands, 2002).

1.8.2 Jurulatih

Jurulatih merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam melahirkan atlet yang berkemahiran serta mempunyai pengetahuan disamping dapat meningkatkan prestasi dalam sukan yang diceburi (MacKenzie, 2004).

1.8.3 Guru

Menurut Siraj dan Ibrahim (2012), guru ialah tunjang kepada sistem pendidikan. Selain itu, guru ialah pendidik, pemimpin yang ditugaskan memberi ilmu (Salleh, 2008). Ianya turut dinyatakan dalam Surah Al-An'am ayat 6, tugas serta tanggungjawab sebagai guru merupakan sebahagian daripada amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi.

1.8.4 Kompetensi

Menurut Judith dan Ronald (2000), kompetensi bermaksud elemen berkumpulan yang terdiri daripada pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mendapatkan hasil yang berkesan manakala kompetensi jurulatih pula merupakan kebolehan melakukan sesuatu tugas kompleks yang memerlukan strategi yang spesifik (Lim, Mahat, Marzuki & Khor, 2014) serta mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan (Santos, Mesquita, Graça dan Rosado, 2010) bagi mencapai sesuatu keputusan. Dalam erti kata lain, seseorang jurulatih berjaya mendapatkan keputusan yang baik selepas menyertai sesuatu kejohanan hasil dari kompetensi beliau mengendalikan sesebuah pasukan.

1.8.5 Prestasi

Prestasi didefinisikan sejauh mana keberkesanan terhadap atlet yang diperolehi hasil dari latihan (Tai, 2006). Selain itu keberkesanan dan kecemerlangan seseorang jurulatih melaksanakan program latihan dapat membantu pemain menunjukkan prestasi terbaik semasa perlawanan (Côté & Gilbert, 2009).

1.8.6 Pusat Latihan Daerah (PLD)

Pusat Latihan Daerah (PLD) merupakan pusat latihan yang mengumpulkan pemain-pemain terbaik dalam sesuatu daerah contohnya PLD Bangsar merupakan pusat latihan bagi pemain terbaik dari daerah tersebut. Sebelum bernaung di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), PLD bernaung yang di bawah program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) merupakan *feeder* kepada Sekolah Sukan Negeri (SSN).

1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan betapa pentingnya peranan jurulatih bola sepak dalam kalangan guru dan tahap kompetensi jurulatih yang diperlukan untuk menangani tugas sebagai guru di sekolah dan jurulatih terhadap prestasi pemain yang tertumpu kepada pemain dari Pusat Latihan Daerah (PLD). Oleh itu kajian ini amat penting untuk dilaksanakan memandangkan jarang sekali kajian etnografi berkaitan kejurulatihan dijalankan di Malaysia seterusnya sebagai panduan kepada pengkaji lain menjalankan kajian yang berkaitan di masa hadapan.